

Pertemuan dua PM jadi contoh Asean

BANGKOK, Ahad — Dua Perdana Menteri, dari Malaysia dan Thai, pernah duduk bersama di sebuah gerai di depan Universiti Chiengmai untuk menikmati makanan tengah hari.

Sebelum selesai menjamu selera, Tun Hussein

Onn dan Jen. Kriangsak Chomanan, mengambil keputusan bahawa Malaysia dan Thailand patut mengusahakan bersama sumber-sumber di kawasan Laut Cina Selatan yang dituntut oleh kedua-dua pihak.

Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie berkata,

jamuan makan tengah hari itu berlangsung dalam tahun 1979 selepas pegawai-pegawai dari kedua-dua negara gagal menyelesaikan tuntutan bertindih itu.

Tan Sri Ghazali memberitahu sidang tertutup mesyuarat ke-16 Menteri-Menteri Luar Asean di sini malam tadi, peristiwa itu adalah contoh 'semangat Asean'.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Contoh

Katanya, kedua-dua pemimpin telah menggabungkan pengetahuan, kuasa dan kezaman mereka bagi mencapai perpaduan Asean yang begitu penting.

Keputusan Tun Hussein dan Jen. Kriangsak telah merintis jalan kepada penubuhan apa yang sekarang dikenali sebagai Lembaga Bersama Thai-Malaysia.

Tan Sri Ghazali berkata, kaum bella Asean mestilah memupuk amalan seperti itu untuk menjamin faedah bersama untuk semua negara anggota Asean.

Katanya, Malaysia gembira setelah Deklarasi Asean mengenai prinsip-prinsip bagi mengukuhkan kerjasama di kalangan bella di meterai di sini, Jumaat lalu.

Tan Sri Ghazali berkata, oleh kerana tidak kurang 60 peratus daripada penduduk Asean berusia kurang 30 tahun, ia terpaksa membuat keputusan terhadap kaum bellanya bagi menentukan masa depannya. — Bernama.